

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah akan diberi autonomi sepenuhnya mengendalikan hal ehwal pembangunan pelajaran di negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akur dengan akta dan peraturan sedia ada yang sedang berkuatkuasa mengenai pemberian autonomi pendidikan kepada kerajaan negeri. Untuk makluman, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] telah memperuntukkan bahawa semua institusi pendidikan di bawah KPM adalah tertakluk kepada bidang kuasa Menteri Pendidikan. Akta 550 merupakan dokumen perundangan yang menjadi rujukan berhubung apa-apa perkara yang berkaitan dengan pendidikan di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Akta 550 ini juga telah mengkanunkan segala hasrat dan aspirasi negara yang ingin dicapai melalui pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berpaksikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Selain itu, Perkara 74 dan 80 Perlembagaan Persekutuan, turut menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa perundangan dan kuasa eksekutif dalam perkara berkaitan pendidikan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 13 Senarai I (Senarai Persekutuan) Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, Kerajaan tidak bercadang untuk memberi kuasa kepada negeri Sabah untuk melaksanakan sistem pendidikan yang berbeza daripada dasar pendidikan Kerajaan Pusat. Walaupun begitu, KPM bersedia untuk mempergiatkan lagi jalinan kerjasama yang tersedia ada antara KPM dengan kerajaan negeri Sabah bagi memastikan pendidikan di negara ini berada dalam tahap yang terbaik.

Sekian, terima kasih.